

Pihak luar jangan campur tangan

Semua universiti diberi kebebasan didik penuntut dengan cara yang sesuai dan terbaik

v2 28/1/15

BATU PAHAT

Jawatankuasaan Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) universiti di negara ini menggesa pihak luar supaya tidak mencampuri sebarang urusan semua universiti di negara ini.

Ia termasuk tindakan tata tertib yang diambil terhadap penuntut yang telah melanggar peraturan ditetapkan universiti tempat mereka melanjutkan pengajian masing-masing.

Pengerusinya, Profesor Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata, semua universiti telah diberikan kebebasan untuk mendidik penuntut mereka dengan cara yang sesuai dan terbaik.

Menurutnya, tindakan yang dikenakan pihak universiti terhadap pelajar adalah berlandaskan undang-undang yang telah ditetapkan, termasuk baru-baru ini, tindakan yang diambil oleh Ahli Jawatankuasa

Tatatertib Pelajar Universiti
Malaya (UM).
Sinar
16/12/2014.
m/s : 42.

“Biarkan pihak universiti sendiri yang mendidik penuntut mereka termasuk tindakan tata tertib dan orang luar digesa agar jangan campur tangan sehingga menjadikan isu seperti ini sebagai bahan politik.

“Diharapkan semua pihak faham dengan keadaan ini,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat JKNCR Bilangan Ke-3 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi JKNCR, Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo merangkap Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.



Kamarudin (tengah) memberikan penerangan berkaitan penubuhan dan fungsi JKNCR.

Dalam tindakan yang dilakukan, Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Fahmi Zainol, digantung pengajian dua semester dan didenda RM600 selepas didapati bersalah bagi empat daripada lapan per-

tuduhan, terlibat secara langsung dalam himpunan sempena pidato Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ‘40 Tahun: Dari UM ke Penjara,’ 27 Oktober lalu.

Selain itu, turut berdepan tindakan tata tertib ada-

lah Presiden Pro-Mahasiswa UM, Safwan Shamsuddin yang didapati bersalah dalam dua daripada tiga pertuduhan dihadapi.

Menurut Kamarudin yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (Unimap), se-

buah sekretariat tetap JKNCR akan ditubuhkan bagi membolehkan sebuah badan pemikir bebas berfungsi untuk menjawab isu pendidikan tinggi melibatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan cepat dan berdasarkan fakta sebenar.

Beliau berkata, ia penting bagi memastikan pandangan masyarakat berkaitan isu yang timbul selaras dengan senario sebenar pengajian tinggi setelah mengambil kira fakta dan sumber tepat sebelum memberi maklum balas mengenai isu semasa yang dilaporkan media

“Sebagai permulaan, sekretariat tetap terbabit akan dianggotai dalam kalangan ahli akademik atau pakar dalam bidang berkaitan secara pinjaman dan akan di-tempatkan di Kuala Lumpur,” katanya.